


BAHAGIAN IV

LENCANA EKSPEDISI



扫描全能王 创建

SUKATAN PELAJARAN LENCANA EKSPEDISI**1. Latihan ekspedisi**

Mengetahui keperluan peribadi dan patrol untuk ekspedisi dan menunjukkan kaedah membungkus dan membawa bekalan yang lengkap bagi pengembalaan selama 24 jam yang beratnya tidak lebih daripada 15 kg, termasuk 10 kg, barang makanan. Dia hendaklah bersedia menyediakan dan menyusunnya di dalam beg sandang (haversack).

2. Ekspedisi

Mengambil bahagian yang penting selama 24 jam dalam satu ekspedisi Pengakap berikut yang mengandungi 4 hingga 8 orang dengan

(a) Berjalan kaki sejauh 40 km.

ATAU

(b) Berbasikal sejauh 120 km.

ATAU

(c) Berperahu/berkayak sejauh 16 km. (8 km mudik dan 8 km mengilir).

ATAU

(d) Berakit sejauh 30 km.

ATAU

(e) Mendaki bukit/gunung (mengikut keadaan tempatan).

3. Satu laporan (mengikut format yang ditetapkan) yang lengkap berkenaan ekspedisi itu, dengan tulisan tangan, ditaip, dirakam dalam pita rakaman atau divideoan hendaklah diserahkan kepada penguji tidak lewat daripada 10 hari selepas ekspedisi itu selesai dilakukan.

REKOD UJIAN LENCANA EKSPEDISI

Nama Pengakap :
 Tarikh Lahir : No. K.P.
 No. Ahli : No. Kumpulan
 Daerah : Negeri
 Alamat Kumpulan :
 Pangkat : Telefon :
 No. Sijil/Lencana Ekspedisi :

Bil.	Perkara	Tarikh lulus	Tanda-tangan penjawat
1.	Latihan ekspedisi		
2.	Ekspedisi pilihan (satu sahaja)		
	(a) berjalan kaki 40 km		
	(b) berbasikal 120 km		
	(c) berperahu/berkayak 16 km		
	(d) berakit 30 km		
	(e) mendaki bukit/gunung		
3.	Log ekspedisi		

Adalah disahkan bahawa Pengakap Remaja yang tersebut di atas telah lulus semua ujian dan memenuhi segala kehendak dalam Lencana Ekspedisi.

Tarikh:

Pemimpin Pengakap Remaja
(Nama dan cap)



扫描全能王 创建

17

Latihan Ekspedisi

ERTI EKSPEDISI

EKSPEDISI atau mengembara bererti membuat perjalanan dengan tujuan untuk mencari sesuatu. Orang yang mengembara digelar pengembara. Dalam pengakap, pengembara adalah budak-budak atau para remaja yang melakukan perjalanan bagi memberi latihan ketahanan tubuh badan agar mereka sentiasa kuat dan berkemahiran.

Pengembaran dalam pengakap hanya akan membawa manfaat sekiranya rancangan dibuat untuk menentukan aktiviti sepanjang pengembaraan tersebut. Persediaan sebelum pengembaraan termasuklah:

1. Membincangkan arahan perjalanan anda.
2. Menyediakan kompas dan *basecamp*.
3. Menyediakan makanan, kotak pertolongan cemas, khemah dan alat perkhemahan.
4. Membincangkan dengan pemimpin spakah yang akan dilakukan dalam pengembaraan.
5. Menyediakan sebuah log pengembaraan yang kemas kini.

KEPERLUAN PERIBADI DAN PATROL UNTUK EKSPEDISI

Pengakap remaja hendaklah tahu bagaimana cara terbaik mengatur dan menyusun segala barang keperluan peribadi dan patrol untuk ekspedisi selama 24 jam yang beratnya tidak lebih daripada 15 kg termasuk 10 kg barang makanan. Ini kerana

terdapat pelbagai jenis barang dan keperluan yang seharusnya dielakkan daripada pecah atau rosak.

Pakaian

1. Baju hujan
2. Baju trek
3. Kemeja-T
4. Seluar pendek
5. Seluar dalam
6. Sapu tangan
7. Tuala
8. Sarung kaki
9. Kasut kanvas

Keperluan diri

1. Beg tidur atau selimut
2. Lampu suluh
3. Ubat gigi
4. Berus gigi
5. Sabun
6. Sikat
7. Cermin
8. Kertas tandas
9. Pinggan
10. Cawan
11. Garpu dan sudu
12. Botol air

Keperluan patrol

1. Tikar yang tahan air
2. Lilin
3. Mancis
4. Pisau
5. Periuk
6. Makanan yang secukupnya
7. Alat-alat pertolongan cemas
8. Kamera (jika ada)
9. Khemah dan pancang

Alat tulit


1. Pen
2. Pensel
3. Buku nota
4. Kompas
5. Peta

Alat-alat pertolongan cemas sederhana

1. Kain pembalut tiga helai
2. Pin-pin keselamatan
3. Krim antiseprik
4. Pembalut adhesif
5. Segulung pelekat plaster
6. Kain kapas
7. Ubat cuci kuning
8. Gunting hujung bulat
9. Ubat pering seperti Panadol, Dusil dan sebagainya
10. Duit syiling untuk membuat panggilan kecemasan



KAEDAH MEMBUNGKUS BEKALAN DENGAN 'HAVERSACK'



Rajah 17.1 Kaedah membungkus bekalan

MENGATUR 'HAVERSACK'

Kebanyakan pengakap lebih suka *haversack* yang berangka kerana ia membantu bungkusan berada dalam keadaan yang sesuai. Terdapat satu ruang udara di antara *haversack* dan badan anda dan membuatkan anda berasa selesa.

Terdapat banyak jenis *haversack* yang berangka. Keberatan adalah lebih sesuai diletakkan di bahagian atas *haversack* daripada di bahagian bawah. Penyusunan barang-barang dan peralatan adalah perlu sebelum meletakkannya ke dalam *haversack* supaya teratur. Kebanyakan pengakap membawa banyak barang yang tidak dikehendaki.

Pengakap mesti ingat, setiap barang yang mereka bawa hendaklah dibawa dari mula hingga ke akhir. Di samping itu, ada yang membawa selimut yang berlebihan supaya boleh tidur dengan selesa. Semua ini akan memberatkan lagi *haversack*.

Berikut adalah perkara-perkara yang mesti diingat sebelum mengatur *haversack*.

1. Barang-barang yang selalu digunakan hendaklah diletakkan di tempat yang senang diambil seperti di bahagian atas *haversack*.
2. Barang-barang makanan, seperti mentega, tidak boleh diletakkan berhampiran dengan pakaian kerana ia akan mengotorkannya.
3. Simpankan pakaian, mancis dan peralatan tidur di dalam beg plastik sebelum dimasukan ke dalam *haversack*.
4. Pastikan tiada benda yang tergantung pada beg.
5. Peraturan mengemas haruslah diikuti, iaitu 'yang terakhir digunakan dimasukkan ke dalam dahulu'.
6. Benda yang ringan dan besar diletak di bahagian bawah *haversack*.
7. Benda yang berat diletak di bahagian atas *haversack*.
8. Benda yang lembut dilipat kemas dan diletakkan di depan *haversack*.
9. Bersedia untuk masa kecemasan. Ini bermakna barang-barang yang diperlukan pada waktu kecemasan seperti tikar dan ubat-ubat mestilah diletakkan di bahagian yang senang diambil.
10. Sentiasa ingat dan tulis pada sekeping kertas di mana anda meletakkan barang-barang tertentu supaya mudah mencari barang-barang tersebut.

Peringatan: Cara-cara di atas sangat penting semasa membungkus *haversack*.




Rajah 17.2 Pandangan tepi





Rajah 17.3 Haversack dan susunan barang di dalamnya

CARA MEMBAWA 'HAVERSACK'



Rajah 17.4

- Rajah 17.4(a) Cara yang betul membawa beg pengembara, iaitu berat di atas dan rapat kepada tubuh.
 Rajah 17.4(b) Cara yang salah, iaitu berat di bawah, menyebabkan si pengembara membongkok ke hadapan.

18
Ekspedisi

UJIAN EKSPEDISI

MENGAMBIL bahagian yang penting selama 24 jam dalam satu ekspedisi yang mengandungi empat hingga lapan orang pengakap:

1. Berjalan kaki sejauh 40 km, atau
2. Berbasikal sejauh 120 km, atau
3. Berperahu/berkayak sejauh 16 km atau (8 km mudik dan 8 km mengilir), atau
4. Berakit sejauh 30 km, atau
5. Mendaki bukit/gunung (mengikut keadaan tempatan)

KELENGKAPAN EKSPEDISI

1. Pengakap remaja mesti berpakaian seragam lengkap semasa membuat sesuatu ekspedisi.
2. Undang-undang jalan raya harus dipatuhi semasa melakukan ekspedisi.
3. Peralatan yang perlu dibawa oleh pengakap remaja adalah seperti berikut:
 - (a) khemah (jika bermalam),
 - (b) peralatan memasak dan bahan-bahan masakan,
 - (c) kotak pertolongan cemas,
 - (d) kompas dan peta,
 - (e) buku log dan arahan untuk ekspedisi,
 - (f) peralatan untuk membaiki basikal seperti spanar, pam dan lain-lain (jika mengembara dengan basikal).



扫描全能王 创建

CARA MENYEDIAKAN ARAHAN

- Sebelum memberi arahan untuk sesuatu ekspedisi, penguji harus mengetahui kawasan atau tempat itu dengan baik supaya dia dapat menyediakan arahan yang lengkap dan tepat. Dapatkan kebenaran dari pihak tertentu jika perlu.
- Gunakan peta topo kawasan yang hendak dituju dan pastikan tempat itu selamat untuk mendirikan khemah dan ada bekalan air.
- Jika tiada peta topo, gunakan peta yang sesuai atau untuk ekspedisi yang mudah/dekat dan berikan destinasi yang diketahui oleh pengakap.
- Jika kawasan itu tidak diketahui oleh pengakap, lebih elok diberi suatu ekspedisi yang tidak akan mengelirukan mereka. Jangan beri arahan yang terlalu rumit sehingga mereka keliru dan sesat jalan. Elakkan daripada hutan rimba yang tidak diketahui kerana pengakap yang kurang pengalaman akan sesat.
- Buat lawatan ke tapak perkhemahan jika perlu.
- Mengambil langkah-langkah keselamatan yang tertentu.
- Selain daripada arahan ekspedisi itu, penguji harus memberi beberapa aktiviti untuk dijalankan oleh pengakap seperti:
 - mendapatkan bearing kompas sesuatu tempat,
 - mengambil tapak kaki binatang dengan *plaster of Paris*,
 - mengumpul dan menamakan benda-benda alam semula jadi seperti daun, bunga, buah, serangga dan lain-lain,
 - membuat lakaran sesuatu tempat, pemandangan atau bangunan,
 - mendapatkan tandatangan dari tempat-tempat tertentu seperti balai polis, pejabat pos, muzium, penjara, kem tentera dan lain-lain,
 - menganggar tinggi sesuatu bangunan, lebar atau kederasan air sungai,
 - membuat kajian ringkas tentang sesuatu kawasan pertanian, perindustrian, perumahan, perdagangan dan lain-lain.

CONTOH ARAHAN EKSPEDISI BERJALAN KAKI

Ekspedisi Hari Pertama

- Dari Sekolah Tinggi St. David anda berjalan ke simpang Bukit Beruang.
- Dari situ anda berjalan ke arah zoo melalui Sekolah Sains Muzaffar Shah.
- Apabila sampai simpang ke zoo, anda belok ke kiri untuk berjalan ke Padang Keladi melalui Taman Rekreasi hingga sampai ke Durian Tunggal.
- Dari Pekan Durian Tunggal anda berjalan balik ke Sekolah Tinggi St. David.
- Anda dikehendaki melapor diri apabila tiba di Sekolah Tinggi St. David dan seterusnya dirikan khemah untuk bermalam di Padang Sekolah Tinggi St. David. Anda juga wajib memasak sejenis lauk daging dan sejenis sayur untuk makan malam. Masakan anda itu harus juga diuji oleh penguji.

Ekspedisi Hari Kedua

- Selepas sarapan pagi, anda berjalan ke Jalan Air Keroh dan belok ke kanan untuk pergi ke Bukit Katil.
- Dari Bukit Katil anda berjalan ke Pekan Air Molek. (Buat satu kesimpulan tentang pekan ini).
- Dari Pekan Air Molek anda berjalan tetus ke Kandang.
- Di simpang Kandang anda belok ke kiri dan berjalan ke Kg. Alai. Dari tempat ini anda boleh belok ke kanan dan berjalan terus ke Ujung Pasir.
- Dari Ujung Pasir anda boleh balik dan melapor diri di rumah penguji. Selepas melapor diri, anda boleh bersurai dan pulang ke rumah anda.

Tugas Yang Perlu Dilaksanakan

- Nama dan tandatangan ketua balai polis dan juga nombor telefon balai polis itu.
- Nombor telefon awam yang anda jumpa.
- 10–15 jenis daun.



扫描全能王 创建

4. Enam jenis tanda bumi seperti empangan air, kilang, gereja, masjid, tokong atau lain-lain jenis pemandangan yang indah. Ambil juga anggaran tinggi suatu bangunan yang anda telah pilih. Tunjukkan bagaimana membuat anggaran tinggi itu.
5. Tuliskan juga nama kampung atau pekan kecil sepanjang perjalanan anda itu.
6. Nama penghulu atau penolongnya (sidang) di kampung yang anda lalui itu.
7. Ketika anda tiba di Pekan Durian Tunggal buat satu laporan. Laporan anda itu hendaklah jelas dan terang dengan menerangkan tajuk-tajuk berikut:
 - (a) jenis perniagaan yang ada di pekan itu,
 - (b) sekolah-sekolah yang ada di sekitar kawasan itu,
 - (c) balai polis/klinik,
 - (d) kemudahan kenderaan,
 - (e) kesimpulan anda berkenaan pekan itu.

Tugas Selepas Ekspedisi

Menyediakan sebuah log yang kemas kini dengan menunjukkan rajah/gambar/lukisan berwarna yang berkenaan. Anda mesti menyerahkan kepada penguji dalam tempoh sepuluh hari dari tarikh ekspedisi dilangsungkan.

Peringatan Semasa Melakukan Ekspedisi

1. Bawa kad pengenalan anda.
2. Patuhi undang-undang jalan raya. Keselamatan adalah tanggungjawab anda sendiri.
3. Ketua ekspedisi perlu membahagikan tugas dan menjalankannya secara berpasukan, iaitu *Patrol System*. Anda perlu ingat jangan membuang masa. Setiap ahli membuat tugas (assignment) yang diberi mesti habiskan seberapa cepat mungkin.
4. Sentiasa bersopan santun apabila meminta pertolongan atau pertanyaan.
5. Anda tidak dibenar membeli barang-barang sepanjang ekspedisi anda.
6. Anda tidak dibenar meninggalkan khemah anda tanpa

- kebenaran daripada penguji. Sesiapa yang melanggar peraturan ini, patrol ekspedisi anda dikira batal.
7. Imej baik pengakap hendak sentiasa dijaga.
8. Anda boleh diperiksa pada bila-bila masa sepanjang ekspedisi itu, sehingga anda melaporkan diri balik pada penguji.

CONTOH ARAHAN EKSPEDISI BERBASIKAL

Lakukan satu ekspedisi menggunakan basikal dari Melaka ke Seremban. Bermalam di bandar Seremban dan mulakan ekspedisi balik ke Melaka pada hari esoknya pada jam 8.30 pagi.

Tugas Yang Perlu Dilaksanakan

1. Dapatkan tandatangan semua pegawai yang menjaga balai polis dan nombor telefonnya dan dalam perjalanan itu catatkan masa ketibaan di tempat-tempat yang berkenaan.
2. Tuliskan nama semua bandar/pekan kecil yang dilalui dalam perjalanan.
3. Lukiskan lima tanda bumi yang berlainan bagi tempat-tempat yang berasingan.
4. Menelefon penguji sebaik sahaja tiba di bandar Seremban.
5. Menelefon penguji sekali lagi semasa bertolak balik ke Melaka antara jam 8.15 pagi hingga 8.30 pagi. Melapor diri rumah penguji sebaik sahaja tiba di Melaka.

Tugas Selepas Ekspedisi

Menyediakan sebuah log yang kemas kini dengan menunjukkan rajah/gambar/lukisan yang berkenaan. Anda mesti menyerahkannya kepada penguji dalam tempoh sepuluh hari dari tarikh ekspedisi dilangsungkan.

Peringatan Semasa Melakukan Ekspedisi

1. Mengawasi dan berhati-hati di jalan raya semasa melakukan ekspedisi. Untuk mengelakkan sebarang kemalang-



- an anda adalah memikul risiko sendiri semasa mengambil ujian ini.
- Imej dan nama baik pengakap hendaklah dipelihara di sepanjang ekspedisi. Gunakan perkataan-perkataan seperti tolong, boleh tak, maafkan, terima kasih dan sebagai untuk mendapatkan pertolongan, maklumat dan lain-lain.
 - Pengakap hendaklah memakai pakaian seragam semasa melakukan ekspedisi ini.

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN EKSPEDISI

- Mendapatkan surat kebenaran dari ibu bapa/penjaga sekurang-kurangnya seminggu sebelum bertolak.
- Memakai pakaian seragam pengakap yang lengkap.
- Mengetahui peraturan-peraturan semasa di jalan raya.
- Mengetahui peraturan-peraturan atau 'kod luar bandar'.
- Setelah tamat ekspedisi, mesti melapor kepada pemimpin pengakap dengan secepat mungkin.

Peraturan Jalan Raya

- Mengetahui undang-undang lalu lintas jalan raya dan mematuhiinya.
- Semasa melintasi jalan raya, pastikan di kanan dan kiri tidak ada kereta dan kenderaan yang menghalang pemandangan, barulah melintas.
- Semasa berjalan, mesti berjalan di sebelah kanan jalan raya.
- Jangan melintas di simpang yang tajam dan merbahaya.
- Berhati-hati semasa melintasi jalan raya. Jika tidak sihat, jangan melintas jalan raya dan cuba dapatkan bantuan orang lain.
- Jangan bermain di jalan raya, perhatikan setiap langkah anda.
- Gunakan jejantas semasa melintasi jalan raya, jika ada.
- Jangan memanggil kawan semasa mereka sedang melintas.

- Jangan berbasikal pada waktu malam tanpa lampu dan adalah lebih baik jika memakai baju putih.
- Pada waktu malam gunakan lampu suluh sebagai isyarat, gunakan satu di hadapan dan satu di belakang.
- Jangan buat bising terutama pada waktu malam.

Peraturan atau 'Kod Luar Bandar'

Keselamatan para ekspedisi haruslah diambil perhatian, seperti berjalan di dalam kawasan tanah orang dan sebagainya. Demi keselamatan para ekspedisi, mereka mesti mengetahui peraturan atau 'kod luar bandar'.


- Haruslah meminta kebenaran dahulu sebelum berada di tanah orang.
- Jangan membuang sampah merata-rata, sebaliknya di tanam atau dibawa serta.
- Jangan memanjang pagar. Jika perlu juga memanjang pagar gunakan tiang yang kuat.
- Pastikan anda meninggalkan tempat tersebut dengan pagar tertutup seperti waktu masuk dahulu.
- Jangan merentas kawasan kebun tanaman dan berjalan di luar kawasan itu.
- Jangan mengacau atau mengejar binatang-binatang ternakan seperti kambing, lembu, ayam dan sebagainya.
- Mengetahui peraturan menggunakan api. Elakkan berlaku kebakaran.
- Jangan ambil apa-apa benda dari situ tanpa kebenaran tuan punya.
- Bersopan-santun semasa berada di luar agar pengakap akan dihormati oleh orang lain.

Aktiviti Air (Berperahu/Berkayak/Berakit)

- Mesti mendapatkan surat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga sekurang-kurangnya seminggu sebelum menjalankan aktiviti air.
- Jangan berenang di sungai atau laut semasa menjalankan ekspedisi air.
- Pastikan mereka yang boleh berenang sahaja menjalankan ekspedisi air.



4. Mesti memakai 'baju keselamatan' semasa berperahu, berkayak atau berakit.
5. Mengetahui arus air sungai atau arus pasang surut laut.
6. Mengetahui bahagian liku sungai yang cetek dan dalam.
7. Jangan bermain semasa menjalankan ekspedisi air kerana 'air adalah bahaya'.
8. Setelah tamat ekspedisi air laporkan kepada pemimpin pengakap secepat mungkin.



Rajah 18.1 Keratan rentas sungai

19 Log Ekspedisi

BUTIR-BUTIR berikut mestilah dimasukkan ke dalam laporan seperti berikut:

1. Laporan A. Ekspedisi

Tajuk	:	Ekspedisi berjalan kaki 40 km
Nama peserta	:
Penguji	:
Tarikh	:
Masa bermula	: Berakhir jam
Bertolak dari	:
Berakhir di	:
Rakan	:
Keadaan cuaca	:

2. Laporan B. Menyediakan sebuah log yang kemas kini dengan menunjukkan peta secara kasar ekspedisi 40 km. Biasanya satu muka surat untuk satu kilometer ekspedisi. Di sini pengakap dikehendaki melukis jalan yang dilalui, arah kompas, nama tempat serta pandangan di sekeliling seperti rumah, kedai, bukit, sekolah, jenis tanaman, rumah beribadat dan lain-lain.

Contoh petunjuk yang sesuai bagi ekspedisi adalah seperti berikut:



扫描全能王 创建

- | | |
|------------------------|-----------------------------|
| 1. Rumah | 17. Jambatan |
| 2. Kedai | 18. Jalan yang dilalui |
| 3. Gereja | 19. Bukit |
| 4. Masjid | 20. Tanah perkuburan Islam |
| 5. Tokong Cina | 21. Tanah perkuburan Cina |
| 6. Kuil Hindu | 22. Padang/stadion |
| 7. Sekolah | 23. Lalang/samun |
| 8. Klinik/rumah sakit | 24. Kelapa sawit |
| 9. Balai polis | 25. Gorila |
| 10. Kilang | 26. Kelapa |
| 11. Pondok telefon | 27. Nanas |
| 12. Stesen minyak | 28. Sawah padi |
| 13. Berkhembah | 29. Kawasan perlombongan |
| 14. Jalan raya | 30. Sempadan negeri |
| 15. Jalan kereta api | 31. Sempadan daerah |
| 16. Sungai | 32. Sempadan mukim |

Laporan ekspedisi 40 km/120 km		No. peta: _____
Masa	Laporan-laporan khas	Jarak (km)

3. Laporan C. Laporan perjalanan dari awal hingga ke akhir. Ekspedisi berjalan kaki—Biasanya catatan dibuat oleh pengakap dari satu kilometer ke satu kilometer seterusnya sehingga tamat.
Ekspedisi berbasikal—Biasanya catatan dibuat oleh pengakap dari lima kilometer ke lima kilometer seterusnya sehingga tamat.
4. Laporan D. Tugas-tugas yang ditentukan oleh penguji adalah seperti berikut:
- (a) Mendapatkan tandatangan semua pegawai yang menjaga balai polis dan nombor telefonnya dalam perjalanan itu. Catatkan masa ketibaan di tempat-tempat yang berkenaan.
 - (b) Tuliskan nama semua bandar/pekan/pekan kecil atau kampung yang dilalui dalam perjalanan.
 - (c) Lukiskan beberapa tanda bumi yang berlainan dalam rupa bentuk dan berasal dari tempat-tempat yang berasingan, seperti empangan air, kilang, gereja, masjid, tokong dan lain-lain jenis pandangan yang indah. Dapatkan juga anggaran tinggi sesuatu bangunan yang anda telah pilih itu. Sila tunjuk bagaimana anggaran tinggi itu dibuat.
 - (d) Dapatkan 10–15 jenis daun serta dapat menamakannya.
 - (e) Dapatkan nama-nama penghulu atau penolongnya (sidang) kampung yang anda lalui itu.



5. Selepas ekspedisi anda perlu lakukan perkara berikut:
- Surahkan log ekspedisi kasar anda kepada pemimpin. Semua laporan akan disemak oleh pemimpin.
 - Hantarkan buku log yang lengkap dan kemas kini dengan keterangan seperti lukisan berwarna, pelan atau dan lain-lain kepada penguji dalam tempoh se-puluh hari dari tarikh ekspedisi dimulakan.

Masa	Laporan-laporan khas	Jarak (km)
0630	Kami (4 orang Pengakap Laut, Kota Ke-7, Melaka) tiba di rumah penguji (Encik Ong) dengan berpakaian seragam pengakap remaja laut yang lengkap.	
0700	Penguji memberi arahannya kepada kami. Selepas membaca arahannya yang agak mudah tetapi panjang, kami pun memulakan ekspedisi dengan berbasikal menuju ke bandar Seremban.	
0711	Kami tiba di suatu simpang empat di mana sebelah kiri ialah Jalan Bendahara dan sebelah kanan pula ialah Jalan Tun Sri Lanang, kami maju ke hadapan melalui Jalan Munshi Abdullah.	
0714	Selepas merentasi Sungai Melaka, terdapat persimpangan tiga. Yang pertama menuju ke Jalan Kubu, kedua menuju ke Jalan Ong Kim Wee dan ketiga menuju ke Jalan Gajah Berang. Keadaan lalu lintas semakin sibuk, terdapat banyak kendaraan menuju ke arah bandar raya.	
0722	Kami melalui sebuah tokong Cina dan SRJK(C) Banchang yang terletak di Jalan Tun Perak.	5 km

Contoh Laporan C. Laporan perjalanan ekspedisi berbasikal (catatan dari lima kilometer ke lima kilometer dan seterusnya)



Contoh Laporan B. Peta secara kasar ekspedisi berbasikal 120 km (satu muka surat untuk 5 kilometer)



扫描全能王 创建